



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PROFESIONALISME GURU

GARIS PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP BAGI JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN GURU

SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP BAGI JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN GURU, BAHAGIAN PROFESIONALISME GURU

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan manuskrip kepada penulis yang ingin menyumbangkan manuskrip untuk dimuatkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru terbitan Bahagian Profesionalisme Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2.0 PENGENALAN

- i. Sumbangan manuskrip bagi Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru adalah terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) seluruh Malaysia.
- ii. Manuskrip yang ditulis adalah berdasarkan hasil kerja penyelidikan dan pembangunan profesionalisme keguruan dalam bidang pendidikan. Kandungan artikel hendaklah dalam bentuk berikut:
 - a) hasil kerja penyelidikan; dan
 - b) penemuan, kaedah atau aplikasi baru.

3.0 SYARAT PENERIMAAN

- i. Manuskrip yang ditulis hendaklah merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam negara mahupun luar negara.
- ii. Manuskrip perlu dihantar dalam bentuk **salinan softcopy** dalam format **Microsoft Word** seperti yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 dan 5.0. Manuskrip yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis.
- iii. Sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan dari tarikh manuskrip dihantar, manuskrip tersebut dianggap tidak diterima dan penulis berhak menghantarnya ke penerbitan yang lain dengan memaklumkan kepada BPG.

4.0 FORMAT PENULISAN

- i. Manuskrip boleh ditulis sama ada dalam **Bahasa Malaysia** atau **Bahasa Inggeris**.
- ii. Wajib ditaip di atas kertas bersaiz A4 dalam **jarak langkau satu** (*single spacing*) menggunakan huruf **Times New Roman bersaiz 12**.
- iii. Ukuran manuskrip dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut :-
 - (a) Atas : 2 cm
 - (b) Bawah : 2 cm
 - (c) Kiri : 2 cm
 - (d) Kanan : 2 cm
- iv. Panjang manuskrip hendaklah di antara 3000-5000 patah perkataan mengikut format berdasarkan sistem penulisan APA (*American Psychological Association*) edisi terkini (**tidak kurang dari 10 muka surat dan tidak melebihi 15 muka surat**)

4.1. PENYEDIAAN TAJUK

- i. Tajuk hendaklah ringkas dan padat. Nama penuh penulis manuskrip diletakkan di bawah tajuk berserta nama Jabatan yang diwakili seperti berikut:
 - a. Tajuk artikel
 - Saiz: 12
 - ***Bold & uppercase***
 - ***Centered***
 - b. Nama penulis dan gelaran
 - Saiz: 12
 - ***Bold & centered***
 - c. Nama Jabatan
 - Saiz : 12
 - ***Centered***

4.2 PENYEDIAAN ABSTRAK

- i. Abstrak adalah merupakan sinopsis manuskrip yang padat, ringkas dan merangkumi aspek-aspek permasalahan, objektif, kaedah dan dapatan serta kesimpulan. Berikut adalah maklumat penting untuk abstrak:
 - a. Patah perkataan tidak melebihi 200 patah;
 - b. Format *Italic*;
 - c. Bersaiz 11; dan
 - d. *Justified*.
- ii. Abstrak manuskrip perlu ditulis dalam dwi Bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris).

4.3 KATA KUNCI

Penulis perlu memberikan **tiga (3) hingga lima (5) kata kunci** dan diletakkan di bawah abstrak. Ia bertujuan untuk memudahkan pencarian maklumat. Tajuk kata kunci perlu ditulis menggunakan format *normal* dan *bold*. Perkataan bagi kata kuncinya berformat *Italic bersaiz 11* dan *justified*.

4.4 KANDUNGAN

- i. Manuskrip mesti mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu:
 - a. Pengenalan;
 - b. Pernyataan Masalah;
 - c. Objektif Kajian;
 - d. Persoalan Kajian;
 - e. Tinjauan Literatur;
 - f. Metodologi;
 - g. Dapatan Kajian;
 - h. Perbincangan; dan
 - i. Rumusan.
- ii. Tajuk perlu ditulis menggunakan format *bold*, bersaiz 12 dan *centered*. Manakala teks manuskrip pula ditulis menggunakan format *normal*, bersaiz 12 dan *justified*.
- iii. Setiap jadual dan gambar rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambar

raja tersebut. Jadual dan gambar raja hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian.

- iv. Jadual atau gambar raja ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Raja 1, Raja 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk raja pula perlu diletakkan di bahagian bawah raja.

4.5 PENGHARGAAN

Penghargaan tidak lebih dari 50 patah perkataan (**jika ada**), diletakkan di bahagian akhir manuskrip sebelum bahagian rujukan.

4.6 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam manuskrip. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah artikel. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut ***American Psychological Association (APA) Citation Style 6th edition***. Rujukan pula ditulis menggunakan format *normal*, bersaiz 12 dan *Justified*.

5.0 SPESIFIKASI JARAK

Selain daripada panduan yang disenaraikan dalam 4.0 di atas, penulis diminta supaya mematuhi panduan berikut dalam penulisan manuskrip.

- i. Nama penulis perlu diletakkan di bawah tajuk manuskrip dengan diselangkan sebanyak satu baris.
- ii. Maklumat lanjut Jabatan/institusi penulis perlu diletakkan di bawah nama penulis pada muka surat pertama manuskrip berkenaan.
- iii. Jarak di antara Tajuk dengan Nama Penulis dan Abstrak ialah dua baris. Jarak di antara Abstrak dengan baris pertama teks ialah satu baris.
- iv. Jarak di antara sub-judul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah dua baris.
- v. Jarak di antara sub-judul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris.

- vi. Jarak di antara perenggan ialah satu baris.
- vii. Mulakan sub-judul dari jidar kiri.
- viii. Mulakan baris pertama perenggan dengan **TANPA** jarak dari jidar kiri.
- ix. Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu baris
- x. *Line Spacing* ialah 1.0

6.0 HAK CIPTA

Semua manuskrip yang diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru adalah menjadi hak milik mutlak BPG. BPG berhak menerbitkan semula manuskrip ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

7.0 PENYERAHAN MANUSKRIP


Manuskrip hendaklah dihantar selewat-lewatnya **pada atau sebelum 15 Januari 2021** mengikut format yang dinyatakan di bahagian 4.0 secara *softcopy* ke alamat berikut:

jurnalbpg@gmail.com

8.0 PENERANGAN & MAKLUMAT LANJUT

Penjelasan & maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi;


- Cik Hasmidatul Suria binti Azmi
Email : hasmidatulsuria@moe.gov.my
No. Telefon : 03-8884 1228



FORMAT PENULISAN MANUSKRIP JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN GURU



PENULISAN	FORMAT
Bahasa	Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
Ukuran jidar Kertas bersaiz A4	(a) Atas : 2 cm (b) Bawah : 2 cm (c) Kiri : 2 cm (d) Kanan : 2 cm
Huruf, saiz dan jarak	Times New Roman bersaiz 12 <i>single spacing</i>
Jumlah patah perkataan	3000-5000 patah perkataan
<p style="text-align: center;">TAJUK MANUSKRIP</p> <p style="text-align: center;">↕</p> <p style="text-align: center;">Rosli Yacob, PhD; Aminah Abdullah Bahagian Profesionalisme Guru</p> <p style="text-align: center;">↕</p> <p style="text-align: center;">Abstrak</p> <p style="text-align: center;">↕</p> <p><i>Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan satu daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan persekitaran pendidikan bermakna yang memberi impak kepada kemenjadian murid secara holistik.</i></p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>Kata kunci: <i>pemimpin sekolah, amalan guru, Rakan</i></p> <p style="text-align: center;">↕</p> <p style="text-align: center;">Pengenalan</p> <p style="text-align: center;">↕</p> <p>Tuntutan bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti merupakan satu gerakan sejagat yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara.</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Saiz 12, Bold, uppercase & centered</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;"><i>Single spacing</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Bold, saiz 12, centered</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Saiz 12, centered</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;"><i>Double spacing</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Bold, saiz 12, centered</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;"><i>Single spacing</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Tidak melebihi 200 patah Dwi bahasa Saiz 11 <i>Italic</i> justified Jidar Kiri : 3 cm Jidar Kanan : 3 cm</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Saiz 11 Bold (Tajuk) <i>Italic</i> (penyataan)</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;"><i>Double spacing</i></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 2px;">Bold, saiz 12, centered</div>

<p>Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan satu daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan persekitaran pendidikan bermakna yang memberi impak besar kepada kemenjadian murid secara holistik.</p> <p style="text-align: center;">Pernyataan Masalah</p> <p>Program TS25 dilaksanakan untuk mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu memastikan enam (6) <i>aspirasi</i> murid berjaya dicapai menjelang</p>	<p>Single spacing</p> <p>Indent untuk perenggan kedua dan seterusnya</p> <p>Double spacing</p> <p>Bold, saiz 12, centered</p> <p>Single spacing</p>																		
<p><u>CONTOH PENULISAN RAJAH</u></p> <p>Keterangan berkaitan gambar rajah adalah dibawah rajah tersebut.</p>  <p style="text-align: center;"><i>Rajah 1. Kerangka Konseptual TS25</i></p>	<p>Single spacing</p> <p><i>Italic (Rajah 1), Centered (penyataan)</i></p>																		
<p><u>CONTOH PENULISAN JADUAL</u></p> <p>Keterangan berkaitan jadual adalah dibawah jadual tersebut.</p> <p>Jadual 1 <i>Interpretasi Skor Min</i></p> <table border="1" data-bbox="217 1608 1094 1835"> <thead> <tr> <th>Skor Min</th> <th>Interpretasi skor min</th> <th>Tahap Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.00 – 1.89</td> <td>Sangat rendah</td> <td>Sangat rendah</td> </tr> <tr> <td>1.90 – 2.69</td> <td>Rendah</td> <td>Rendah</td> </tr> <tr> <td>2.70 – 3.49</td> <td>Memuaskan</td> <td>Memuaskan</td> </tr> <tr> <td>3.50 – 4.29</td> <td>Tinggi</td> <td>Tinggi</td> </tr> <tr> <td>4.30 – 5.00</td> <td>Sangat tinggi</td> <td>Sangat tinggi</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006b)</p>	Skor Min	Interpretasi skor min	Tahap Pelaksanaan	1.00 – 1.89	Sangat rendah	Sangat rendah	1.90 – 2.69	Rendah	Rendah	2.70 – 3.49	Memuaskan	Memuaskan	3.50 – 4.29	Tinggi	Tinggi	4.30 – 5.00	Sangat tinggi	Sangat tinggi	<p><i>Italic</i></p> <p>Saiz 10</p>
Skor Min	Interpretasi skor min	Tahap Pelaksanaan																	
1.00 – 1.89	Sangat rendah	Sangat rendah																	
1.90 – 2.69	Rendah	Rendah																	
2.70 – 3.49	Memuaskan	Memuaskan																	
3.50 – 4.29	Tinggi	Tinggi																	
4.30 – 5.00	Sangat tinggi	Sangat tinggi																	

<p><u>CONTOH PENULISAN RUJUKAN</u></p> <p>Rujukan daripada Buku Fullan, M. (2003). <i>The moral imperative of school leadership</i>. Thousand Oaks, CA: Corwin Press; Toronto: Ontario Principal's Council</p> <p>Rujukan daripada Jurnal Gurr & Drysdale (2016). Successful school leadership: case studies of four Singapore primary schools. <i>Journal of Educational Administration</i>, 54(3): 270-287</p> <p>Rujukan daripada Handbook Mulford, B (2010). Recent Developments in the field of educational leadership. The challenge of complexity. <i>Springer international handbooks of education (SIHE)</i> 23: 187-208</p> <p>Rujukan daripada Prosiding Seminar: Roeva, O. (2012). Real-World Applications of Genetic Algorithm. In <i>International Conference on Chemical and Material Engineering</i> (pp. 25–30). Semarang, Indonesia: Department of Chemical Engineering, Diponegoro University.</p> <p>Rujukan daripada Sumber dalam Talian Kent State University Libraries . (2019, October 28). <i>SPSS Tutorials: Paired Samples T-test</i> . Retrieved from https://libguides.library.kent.edu/SPSS</p>	<p>**SILA RUJUK <i>American Psychological Association (APA) terkini</i></p>
---	--